

Teras 3



KEBAJIKAN DAN DAKWAH

OBJEKTIF 3

Membentuk Garis Panduan
Pengurusan Institusi Tahfiz

STRATEGI

Menyelaras bantuan asas kecemasan
dan kebajikan Institusi Tahfiz

Program / Tindakan **JANGKA MASA PANJANG (2021 - 2025)**

FASA 1

Mewujudkan SOP bagi bantuan awal dan kecemasan bagi Institusi Tahfiz yang ditimpa musibah seperti kebakaran, bencana alam, kemalangan, kesihatan dan tindakan undang-undang yang bukan akibat kecuai.

Mewujudkan pangkalan data dan kaedah permohonan bantuan/pertolongan agensi berkaitan bantuan, kebajikan, kecemasan dan kemalangan setiap negeri bagi memudahkan permohonan bantuan.

Mewujudkan Jawatankuasa Task Force Kecemasan dan Bantuan Khas bagi setiap negeri

Menyediakan SOP dan Garis Panduan Asas Keselamatan Dan Kesihatan Tempat Kerja, penyelenggaraan dan Panduan Keselamatan Bangunan Institusi Tahfiz dengan Kerjasama agensi berkaitan.

FASA 2



PROFAL KORPORAT PERMATA AL-QURAN

OBJEKTIF 6

Membangunkan agenda ekonomi
Institusi Tahfiz

STRATEGI 1

Mengukuh dana kebajikan PERMATA
Al-Quran dan Institusi tahfiz

Program / Tindakan JANGKA MASA PANJANG (2021 - 2025)

FASA 1

Menubuhkan Yayasan PERMATA Al-Quran yang berdaftar sebagai Institusi penerima derma berdaftar dan mendapat pelepasan cukai Lembaga Hasil Dalam Negeri.

Menyediakan Garis Panduan Kaedah dan Kriteria permohonan bantuan Yayasan PERMATA Al-Quran bagi ahli Institusi Tahfiz.

Melaksanakan Kempen Kesedaran Pengurusan Dana Wakaf bersama agensi berkaitan untuk Institusi Tahfiz Ahli PERMATA Al-Quran.

FASA 2

OBJEKTIF 5

Menjalinkan kolaborasi dengan agensi kerajaan dan pihak berkepentingan di peringkat Nasional dan Antarabangsa

STRATEGI 1

Menjadikan Institusi Tahfiz PERMATA Al-Quran sebagai badan dakwah dan kebajikan masyarakat.

Program / Tindakan JANGKA MASA PANJANG (2021 - 2025)

FASA 1

Menyediakan takwim program Tahfiz dan Rakyat melalui Karnival peringkat daerah, negeri dan kebangsaan.

Menjalinkan Kerjasama pembentukan modul dakwah bersama Yayasan Dakwah Islam Malaysia dan penglibatan dalam "Sahabat YADIM"

Program Institusi Tahfiz bersama Masyarakat Asli dan Saudara Baru

Mewujudkan Briged Kebajikan Dan Amal setiap Institusi Tahfiz bagi membantu masyarakat Ketika menghadapi kecemasan asas seperti bantuan pasca banjir pasca kebakaran, pasca bencana alam.